

ANM(T) 81/10/6/10(27)



## KERAJAAN MALAYSIA

### SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Akauntan Kementerian  
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)  
Semua Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri dan Cawangan  
Semua Pusat Gaji

### PERATURAN BAYARAN KHAS TAHUN 2016

#### 1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan Bayaran Khas Tahun 2016 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Kadar Bayaran Khas Tahun 2016 yang ditetapkan adalah sebanyak RM500.00.
- 1.2 Kadar Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM250.00 juga dipanjangkan pemberiannya kepada pesara kerajaan yang menerima pensyen.
- 1.3 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2016 bertarikh 11 November 2016 dan surat daripada Kementerian Kewangan rujukan KK/BP/DS(S)10/79/28(S.K.1/2014)(37) bertarikh 11 November 2016. Penjelasan berhubung dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2016 adalah seperti di **Lampiran A**.

## 2. PERATURAN PELAKSANAAN BAYARAN KHAS

### 2.1 Tarikh Pembayaran

Pemberian Khas ini dibayar pada **3 Januari 2017**.

### 2.2 Kaedah Pembayaran

Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Gaji Berkomputer (*Payroll*), perkara-perkara berikut hendaklah diambil maklum:

- i. Penyata Perubahan (Kew. 8) tidak perlu disertakan. Pejabat Perakaunan (Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/ Cawangan dan Bahagian Akaun Kementerian) akan mengeluarkan **Laporan Penerima Bayaran Khas** sebagai menggantikan Borang Perubahan Gaji (SG20).
- ii. Kementerian/ Jabatan hendaklah menyemak **Laporan Penerima Bayaran Khas**. Bagi pegawai yang tidak layak hendaklah dikeluarkan daripada laporan tersebut.
- iii. Jika berlaku pembayaran kepada pegawai yang tidak layak menerima Bayaran Khas Tahun 2016, tindakan mengutip **semua amaun** yang telah dibayar dengan cara berikut:
  - a. Bagi pegawai yang masih berkhidmat pemotongan daripada gaji bulan berikutnya **secara sekaligus** hendaklah diambil;
  - b. Bagi pegawai yang telah bersara kutipan tunai hendaklah dibuat ke atas pesara.

### 2.3 Cukai Pendapatan

Bayaran Khas Tahun 2016 tidak akan dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

### 2.4 Potongan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Bayaran Khas ini adalah tidak termasuk di bawah definisi "Upah" seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta KWSP 1991, sehubungan dengan itu ianya tidak perlu dicarumkan ke KWSP.

## 2.5 Potongan Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Bayaran Khas ini tidak perlu dicarumkan ke PERKESO.

## 2.6 Pembayaran Melalui Baucar Bayaran Berasingan

- i. Bagi Bayaran Khas yang dibayar melalui baucar bayaran berasingan, Penyata Perubahan (Kew.8) hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang lain.
- ii. Bagi pegawai yang **berpindah keluar** dan gaji bulan Disember dibayar melalui sistem *payroll* di **jabatan lama** serta berstatus tidak aktif (T42), jabatan lama bertanggungjawab membuat pembayaran melalui Baucar Bayaran Berasingan dan memaklumkan pembayaran tersebut kepada jabatan baharu.
- iii. Bagi pegawai yang **berpindah masuk** dan gaji bulan Disember dibayar oleh **jabatan baharu** tindakan berikut hendaklah diambil:
  - a. Bagi pegawai yang berstatus aktif (B02), pembayaran hendaklah dibuat melalui *payroll off-cycle* dan memastikan nama pegawai dikemaskini dalam Laporan Penerimaan Bayaran Khas.
  - b. Bagi pegawai berpindah masuk yang maklumat gajinya belum dikunci masuk di sistem *payroll*, pembayaran hendaklah dibuat secara Baucar Bayaran Berasingan.
- iv. Pembayaran Baucar Berasingan hendaklah dibuat mulai **3 Januari 2017** dan dipertanggungjawabkan kepada Vot Peruntukan Tahun 2017.

## 2.7 Kod Urus niaga

Kod-kod urus niaga yang perlu digunakan bagi Bayaran Khas Tahun 2016 adalah seperti berikut :

Kod Elaun ( <i>Payroll</i> )	Kod Akaun Amanah Penyelesaian (2016)	Kod Objek (2017)	Perihal Kod Elaun
1083	851021	17104	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuan Tahunan/ Pemberian Khas Kakitangan Awam
1084	851022	17104	Akaun Penjelasan Bayaran Khas Prestasi/ Pemberian Khas Kakitangan Awam (JUSA)
1083	851023	17204	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuan Tahunan/ Pemberian Khas Pasukan Keselamatan
1084	851024	17204	Akaun Penjelasan Bayaran Khas Prestasi/ Pemberian Khas Pasukan Keselamatan (JUSA)
1083	851025	29306	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuan Tahunan/ Pemberian Khas Pekerja Sementara dan Sambilan

## 2.8 Pelarasan untuk Bayaran Khas


Akaun Amanah Penyelesaian 2016 ini hendaklah diselaraskan kepada Vot Peruntukan Tahun 2017 **selewat-lewatnya 25 Januari 2017**.

## 3. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR BAYARAN KHAS TAHUN 2016

Kementerian/ Jabatan hendaklah membayar Bayaran Khas ini daripada peruntukan tahun 2017. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

*"Inovasi & Integriti Merealisesi Perakaunan Akruan"*



( DATO' HJ. CHE PEE BIN SAMUDIN C.A. (M) )  
Akauntan Negara Malaysia

21 November 2016

s.k :

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Ketua Audit Negara  
Semua Akauntan/ Bendahari Negeri  
Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA  
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran  
Ketua Eksekutif LHDN  
Pengurus Besar KWSP  
Ketua Eksekutif PERKESO

## BAYARAN KHAS TAHUN 2016

Lampiran ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2016 bertarikh 11 November 2016 mengikut perenggan yang dinyatakan di bawah.

### PEGAWAI YANG LAYAK

**Para 5.1 - Pegawai lantikan tetap, sementara, *contract of service* dan guru interim;**

**Contoh:**

Guru interim bermaksud guru yang masih belum dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) atau Guru Sandaran.

**Para 5.2 - Pegawai yang bercuti separuh gaji tetapi tidak sepanjang tahun 2016;**

**Contoh A:**

Encik Amirul Shazwan telah diluluskan cuti separuh gaji mulai 1 Januari 2016 hingga 30 November 2016. Beliau telah kembali bertugas semula pada 1 Disember 2016 hingga 31 Disember 2016.

**Penjelasan:**

**Beliau layak dibayar BKT 2016 kerana telah berkhidmat 30 hari berturut-turut.**

**ATAU**

**Contoh B:**

Puan Nora telah diluluskan cuti mulai 1 Januari 2016 hingga 7 September 2016, cuti separuh gaji oleh Ketua Jabatan. Pada 8 September 2016 hingga 30 September 2016 beliau telah kembali bertugas semula dan menyambung cuti separuh gaji mulai pada 1 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2016.

**Penjelasan:**

**Beliau tidak layak dibayar BKT 2016 kerana berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut.**

**Para 5.3 - Pegawai yang bercuti tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tahun 2016;**

**Contoh A:**

Puan Ramlah Ramly telah diluluskan cuti tanpa gaji mulai 16 Oktober 2015 hingga 17 April 2016 (6 Bulan) untuk menjaga anak yang baru dilahirkan. Beliau telah bertugas semula pada 18 April 2016 hingga 20 Mei 2016. Pada 21 Mei 2016 hingga 31 Disember 2016, beliau telah mengambil cuti tanpa gaji untuk menjaga bapanya yang telah uzur dan sakit.

**Penjelasan:**

**Beliau layak dibayar BKT 2016 kerana telah berkhidmat lebih 30 hari berturut-turut.**

**ATAU**

**Contoh B:**

Puan Suzi Irwan telah diluluskan untuk mengambil cuti tanpa gaji mulai 18 Januari 2016 hingga 4 Disember 2016 bagi tujuan mengikut suami yang bertugas ke Luar Negara dan kembali berkhidmat semula pada 5 Disember 2016 hingga 31 Disember 2016.

**Penjelasan:**

**Beliau tidak layak dibayar BKT 2016 kerana telah tidak berkhidmat 30 hari berturut-turut pada tahun 2016.**

**Para 5.4 - Pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tahun 2016;**

**Contoh:**

Ir. Wong Siew Kong seorang Jurutera Awam telah dipinjamkan selama 5 Tahun ke MK Holdings Bhd. mulai 1 November 2011 hingga 30 November 2016. Mulai 1 Disember 2016 beliau telah kembali bertugas semula di Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur sebelum menyambung belajar cuti separuh gaji mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2020.

**Penjelasan:**

**Ir. Wong Siew Kong layak dibayar BKT 2016 kerana telah berkhidmat 30 hari berturut-turut.**

**PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

**Para 9** - Bagi PSH yang berkhidmat melebihi satu kontrak dalam tahun 2016, Bayaran Khas Tahun 2016 akan dibayar oleh Jabatan terakhir PSH berkhidmat tertakluk kepada PSH tersebut memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam perenggan ini. Sekiranya syarat tersebut tidak dipenuhi, Jabatan terdahulu yang mana PSH memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut akan membayar Bayaran Khas Tahun 2016 tersebut.

**Contoh:**

Encik Ridwan Ali pegawai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah berkhidmat dari tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016. Beliau telah ditawarkan semula sebagai pegawai PSH di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada 15 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2016.

**Penjelasan:**

- i. Beliau layak dibayar BKT 2016 kerana telah berkhidmat melebihi 30 hari berturut-turut;**
- ii. Pembayaran hendaklah dibuat oleh Jabatan terkini (JANM)**
- iii. JANM yang membayar BKT, Encik Ridwan Ali hendaklah mendapatkan surat perakuan daripada pegawai yang mengandungi maklumat berikut:**
  - a. Perakuan beliau tidak pernah berkhidmat sebagai PSH di Jabatan lain pada tahun 2016; atau**
  - b. Sekiranya pernah berkhidmat pada tahun 2016 di Jabatan lain, beliau memperakukan bahawa tiada tuntutan akan dibuat daripada Jabatan tersebut.**



## **PESARA**

**Para 11** - Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 Januari 2016 hanya layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM250.00.

### **Contoh:**

Dr. Zakaria Mohd Ali seorang pegawai perubatan tetap dan berpencen daripada Hospital Sungai Buloh telah bersara wajib pada 30 Januari 2016.

### **Penjelasan**

- i. Beliau tidak layak dibayar BKT 2016 di Hospital Sungai Buloh sebanyak RM 500.00 kerana hanya berkhidmat selama 29 hari (berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut) pada tahun 2016.
- ii. Sebagai pesara pembayaran BKT sebanyak RM 250.00 tersebut dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Para 12** - Bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara dalam tempoh 31 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM500.00, tertakluk kepada syarat pegawai telah berkhidmat sekurang kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 31 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

### **Contoh:**

Dr. Fuad seorang pegawai perubatan tetap dan berpencen daripada Hospital Putrajaya telah bersara wajib pada 15 Feberuari 2016.

### **Penjelasan:**

- i. Pembayaran maksimum BKT yang layak dibayar adalah sebanyak RM500.00
- ii. Beliau hanya layak dibayar BKT 2016 di Hospital Putrajaya sebanyak RM250.00 kerana telah berkhidmat melebihi 30 hari berturut-turut pada tahun 2016.

- iii. **Sebagai pesara pembayaran BKT sebanyak RM 250.00 tersebut dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam**

**Para 13** - Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service* dalam tahun 2016 layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM500.00 sahaja tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

**Contoh:**

Dr. Zakaria Mohd Ali seorang pegawai perubatan tetap dan berpencen daripada Hospital Serdang telah bersara wajib pada 31 Januari 2016. Pada 1 Oktober 2016 hingga 30 Sept 2017 beliau telah dilantik semula di Hospital Kuala Lumpur secara *contract of service*.

**Penjelasan:**

- i. **Pembayaran maksimum BKT yang layak dibayar adalah sebanyak RM500.00**
- ii. **Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Hospital Kuala Lumpur, tiada pembayaran BKT yang layak dibayar oleh Hospital Serdang.**
- iii. **Hospital Kuala Lumpur yang membayar BKT Dr Zakaria hendaklah mendapatkan surat perakuan pegawai, bahawa beliau tidak menuntut BKT daripada Jabatan yang beliau berkhidmat sebelum ini (Hospital Serdang).**

## **PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

**Para 14** - Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 29 Januari 2016 hanya layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM250.00. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen

sebanyak RM250.00 tersebut akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Contoh:**

Encik Mustapha seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan tetap dan berpenyen daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 12, Putrajaya telah meninggal dunia pada 29 Januari 2016.

**Penjelasan:**

- i. Beliau tidak layak dibayar BKT 2016 di sebanyak RM 500.00 di Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 12, Putrajaya kerana hanya berkhidmat selama 29 hari (berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut) pada tahun 2016.**
- ii. Pembayaran BKT yang layak dibayar hanya sebanyak RM 250.00 sahaja dan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam**

**Para 15 -** Bagi pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 30 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM500.00 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 30 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016. Pembayaran kepada mana-mana penerima pensyen terbitan yang layak di bawah undang-undang pensyen sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, manakala baki sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

**Contoh:**

Dr. Ramesh seorang pegawai perubatan tetap dan berpenyen daripada Hospital Teluk Intan telah meninggal dunia pada 30 Januari 2016.

**Penjelasan**

- i. Pembayaran maksimum BKT yang layak dibayar adalah sebanyak RM500.00**
- ii. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan Hospital Teluk Intan.**